

Kabinet bubar, Muhyiddin jalan tugas PM sementara

BH - 17/8/2021 m/s: 1

**Oleh Saiful Haizan Hasam,
Zanariah Abd Mutalib
dan Suhael Adnan**
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan menerima peletakan jawatan Tan Sri Muhyid-

din Yassin sebagai Perdana Menteri dan seluruh anggota Kabinetnya, semalam.

Bagaimanapun, baginda berkenan supaya Muhyiddin menjalankan tugas sebagai Perdana Menteri sementara atau 'caretaker' sehingga Perdana Menteri baharu dilantik.

Datuk Pengelola Bijaya Diraja

Istana Negara, Datuk Ahmad Fadil Shamsuddin, berkata ia selaras dengan Perkara 40(2)(a) dan 43(2)(a) Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan Seri Paduka hendaklah melantik seorang Ahli Dewan Rakyat yang pada hemat baginda mungkin mendapat kepercayaan majoriti Ahli Dewan Rakyat sebagai

Perdana Menteri baharu untuk mempengerusikan Jemaah Menteri.

Seri Paduka juga berpendapat Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15) bukanlah satu pilihan terbaik pada ketika ini, atas faktor kemaslahatan dan keselamatan rakyat disebabkan pandemik COVID-19.

"Susulan peletakan jawatan ini, Seri Paduka Baginda telah berkenan supaya Tan Sri Muhyiddin Yassin menjalankan tugas sebagai 'caretaker' perdana menteri sehingga perdana menteri baharu dilantik," katanya dalam satu kenyataan, semalam.